

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN****DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD  
(LANGKAWI)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 15.11.2017**

**Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [ LANGKAWI ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan bercadang agar Pulau Langkawi dijadikan sebagai hub-kewangan seperti Pulau Labuan atau lain-lain cara yang difikirkan bersesuaian dengan Pulau Langkawi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Pengisytiharan Langkawi sebagai Pulau Bebas Cukai mulai 1 Januari 1987 telah merancakkan pembangunan ekonomi dan kemasukan pelabur ke Langkawi. Meskipun begitu, pada ketika ini, Kerajaan tiada perancangan untuk menjadikan Langkawi sebagai

sebuah Pusat Kewangan Luar Pesisir memandangkan Labuan telah pun dibangunkan sebagai pusat perniagaan dan kewangan luar pesisir yang utama di Malaysia. Perancangan pembangunan Langkawi kekal menjurus kepada pembangunan pelancongan sepertimana yang digariskan di dalam *Blueprint* Pelancongan Langkawi yang telah dilancarkan pada 2011 sehingga Langkawi dinobatkan antara 10 pulau dan destinasi pelancongan terbaik di dunia.

Selain itu, Kerajaan melalui Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) akan terus membangunkan Langkawi melalui 3 teras utama iaitu pelancongan, pembangunan komuniti dan pelaburan. Pelaburan yang diusahakan oleh LADA adalah berfokuskan kepada pendidikan tinggi, eko-pelancongan, pembangunan hotel mewah, *health & wellness* dan *nautical tourism*. LADA akan mempergiatkan usaha untuk menarik pelabur tempatan dan asing berdasarkan 5 aspek utama iaitu untuk menjana pelaburan sebanyak RM5 bilion, menyediakan 6,000 peluang pekerjaan baharu, membangunkan 300 perusahaan kecil dan sederhana, mensasarkan 5 juta kedatangan pelancong serta pendapatan pelancongan sebanyak RM9 bilion menjelang tahun 2020.